



## PELAN MIGRASI DATA

# SISTEM MENGURUS PENGGUNAAN BILIK MESYUARAT

|                          |   |                                |
|--------------------------|---|--------------------------------|
| <b>NAMA AGENSI</b>       | : | <b>MAMPU</b>                   |
| <b>NAMA AGENSI INDUK</b> | : | <b>JABATAN PERDANA MENTERI</b> |
| <b>TARIKH DOKUMEN</b>    | : | <b>30 APRIL 2020</b>           |
| <b>VERSI DOKUMEN</b>     | : | <b>2.0</b>                     |

|  |                                |   |                 |
|--|--------------------------------|---|-----------------|
| <br>BERSAMA-SAMA MELAKUKAN TRANSFORMASI | Rujukan:<br><b>SMPBM / PMD</b> | Tajuk:<br><b>Pelan Migrasi Data (PMD)</b> | Mukasurat:<br>i |
|--|--------------------------------|---|-----------------|

## KETERANGAN DOKUMEN

Dokumen ini menerangkan pelan migrasi data semasa pelaksanaan migrasi data. Kandungannya merangkumi maklumat terperinci tujuan migrasi data, objektif, skop, pendekatan, pasukan projek dan pelan pelaksanaan bagi aktiviti pelaksanaan migrasi data. Dokumen Pelan Migrasi Data akan dijadikan sebagai rujukan kepada perancangan dan pelaksanaan Migrasi Data yang akan dilaksanakan.

|  |                                |   |                  |
|--|--------------------------------|---|------------------|
| <br>BERSAMA-SAMA MELAKUKAN TRANSFORMASI | Rujukan:<br><b>SMPBM / PMD</b> | Tajuk:<br><b>Pelan Migrasi Data (PMD)</b> | Mukasurat:<br>ii |
|--|--------------------------------|---|------------------|

## SEMAKAN DAN PENGESAHAN DOKUMEN

Dokumen ini disemak oleh Pengurus Pembangunan Sistem dan Ketua Pasukan Pangkalan data, Migrasi dan Integrasi Data.

### SEMAKAN DOKUMEN

| Disemak Oleh  | Jawatan  | Tandatangan   | Tarikh        |
|---|--|---|---------------|
| Pn Rohiza Ahmad<br>(Pengurus<br>Pembangunan<br>Sistem)  | Timbalan Pengarah<br>(Pembangunan Sistem) BPI    |   | 30 April 2020 |
| Pn Iza Nordina<br>binti Abd Ghani<br>(Ketua Pasukan<br>Pangkalan Data,<br>Migrasi dan<br>Integrasi) | Ketua Penolong Pengarah<br>(Pangkalan Data), BPI |  | 30 April 2020 |

### PENGESAHAN DOKUMEN

Dokumen ini disahkan oleh pemilik bisnes dan sistem yang akan dibangunkan.

| Disahkan Oleh                            | Jawatan                                 | Tandatangan  | Tarikh        |
|--|---|--|---------------|
| En. Ahmad<br>Marzuki<br>(Pemilik Projek) | Pengarah<br>Bahagian Khidmat Pengurusan |  | 30 April 2020 |

## KAWALAN DOKUMEN

| No. Versi | Tarikh        | Ringkasan Pindaan                              | Penyedia                       |
|-----------|---------------|--|--------------------------------|
| 1.0       | 24 April 2020 | Dokumen versi pertama selesai disediakan       | Dr. Razatulshima binti Ghazali |
| 1.1       | 25 April 2020 | Pembetulan kepada ejaan dan tajuk dalam bab 2. | Dr. Razatulshima binti Ghazali |
| 2.0       | 27 April 2020 | Perubahan kandungan bagi bab 3 dan 4.          | Nur Sharmini Alexander         |

## KANDUNGAN

|   |      |
|---|------|
| <b>KETERANGAN DOKUMEN.....</b>              | i    |
| <b>SEMAKAN DAN PENGESAHAN DOKUMEN .....</b> | ii   |
| <b>KAWALAN DOKUMEN .....</b>                | iii  |
| <b>KANDUNGAN.....</b>                       | iv   |
| <b>SENARAI GAMBARAJAH.....</b>              | v    |
| <b>SENARAI JADUAL.....</b>                  | vi   |
| <b>DEFINISI DAN AKRONIM.....</b>            | vii  |
| <b>SUMBER RUJUKAN .....</b>                 | viii |
| <b>1. TUJUAN .....</b>                      | 1    |
| <b>2. LATAR BELAKANG .....</b>              | 1    |
| <b>3. OBJEKTIF MIGRASI .....</b>            | 1    |
| <b>4. SKOP MIGRASI.....</b>                 | 1    |
| <b>5. PENDEKATAN MIGRASI .....</b>          | 2    |
| 5.1    Pendekatan Pelaksanaan Migrasi ..... | 2    |
| 5.2    Kaedah Migrasi .....                 | 2    |
| 5.3    Proses Pelaksanaan Migrasi Data..... | 3    |
| 5.4    Persekutaran Data (Teknologi).....   | 7    |
| <b>6. PASUKAN PROJEK.....</b>               | 8    |
| <b>7. JADUAL PELAKSANAAN .....</b>          | 9    |
| <b>8. PENUTUP .....</b>                     | 9    |

|  |                                |   |                 |
|--|--------------------------------|---|-----------------|
| <br>BERSAMA-SAMA MELAKUKAN TRANSFORMASI | Rujukan:<br><b>SMPBM / PMD</b> | Tajuk:<br><b>Pelan Migrasi Data (PMD)</b> | Mukasurat:<br>v |
|--|--------------------------------|---|-----------------|

## **SENARAI GAMBARAJAH**

Rajah 1: Kaedah Pelaksanaan Migrasi Data ..... 2

|  |                                |   |                  |
|--|--------------------------------|---|------------------|
| <br>BERSAMA-SAMA MELAKUKAN TRANSFORMASI | Rujukan:<br><b>SMPBM / PMD</b> | Tajuk:<br><b>Pelan Migrasi Data (PMD)</b> | Mukasurat:<br>vi |
|--|--------------------------------|---|------------------|

## SENARAI JADUAL

|   |   |
|---|---|
| Jadual 1 : Maklumat Sumber Data.....  | 4 |
| Jadual 2 : Maklumat Destinasi Pangkalan Data Yang Terlibat Dalam Migrasi Data ..... | 4 |
| Jadual 3 : Maklumat Teknologi Pangkalan Data .....                                  | 7 |
| Jadual 4 : Peranan dan Tanggungjawab .....  | 8 |

## DEFINISI DAN AKRONIM

### Akrоним

| Akrоним      | Keterangan  |
|--------------|---|
| <b>RDBMS</b> | <i>Relational Database Management System</i>                |
| <b>FTP</b>   | <i>File Transfer Protocol</i>                               |
| <b>MAMPU</b> | Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia |
| <b>SME</b>   | <i>Subjec Matter Expert</i>                                 |
| <b>CSV</b>   | <i>Comma Separated Values</i>                               |
| <b>MySQL</b> | <i>Structured Query Language</i>                            |

### Definisi

| Terma/Istilah  | Definisi  |
|----------------|---|
| <i>Staging</i> | Pelayan yang digunakan untuk menguji aplikasi, laman web dan perkhidmatan dalam talian yang mempunyai persekitaran seakan persekitaran produksi |

|  |                                |   |                    |
|--|--------------------------------|---|--------------------|
| <br>BERSAMA-SAMA MELAKUKAN TRANSFORMASI | Rujukan:<br><b>SMPBM / PMD</b> | Tajuk:<br><b>Pelan Migrasi Data (PMD)</b> | Mukasurat:<br>viii |
|--|--------------------------------|---|--------------------|

## **SUMBER RUJUKAN**

Sumber rujukan yang digunakan adalah:

1. Panduan Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA) 2019
2. Pelan Pembangunan Sistem
3. Spesifikasi Keperluan Bisnes
4. Spesifikasi Keperluan Sistem
5. Spesifikasi Rekabentuk Sistem

|  |                                |   |                        |
|--|--------------------------------|---|------------------------|
| <br>BERSAMA-SAMA MELAKUKAN TRANSFORMASI | Rujukan:<br><b>SMPBM / PMD</b> | Tajuk:<br><b>Pelan Migrasi Data (PMD)</b> | Mukasurat:<br><b>1</b> |
|--|--------------------------------|---|------------------------|

## 1. TUJUAN

Pelan Migrasi Data merupakan rujukan bagi pelaksanaan migrasi data. Dokumen ini bertujuan menerangkan pendekatan migrasi, aktiviti-aktiviti yang terlibat, pasukan projek dan jadual pelaksanaan migrasi data bagi melancarkan kelangsungan perjalanan Sistem Mengurus Penggunaan Bilik Mesyuarat (SMPBM).

## 2. LATAR BELAKANG

SMPBM dibangunkan untuk mengendalikan pengurusan tempahan bilik mesyuarat yang dikendalikan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan MAMPU. Sistem ini dibangunkan bagi menggantikan sistem sedia ada iaitu Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat. Maklumat bilik mesyuarat yang terdapat dalam sistem sedia ada akan digunakan dalam SMPBM yang akan dibangunkan. Oleh yang demikian, hanya data maklumat bilik mesyuarat sahaja yang akan dimigrasikan ke dalam sistem yang baru. Data tempahan dan profil pengguna yang terdapat dalam sistem sedia ada tidak akan dimigrasikan ke SMPBM.

## 3. OBJEKTIF MIGRASI

Objektif pelaksanaan migrasi data adalah untuk memindahkan data dari Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat sedia ada agensi yang diperlukan bagi memastikan kelancaran penggunaan SMPBM, di samping memberi jaminan kepada pengguna mengguna pakai data sedia ada.

## 4. SKOP MIGRASI

Modul yang terlibat dalam pelaksanaan migrasi data adalah Modul Pengurusan Bilik Mesyuarat. Data yang terlibat adalah kod bilik mesyuarat, nama bilik mesyuarat, lokasi bilik mesyuarat dan status bilik mesyuarat.


## 5. PENDEKATAN MIGRASI

### 5.1 Pendekatan Pelaksanaan Migrasi

Pelaksanaan migrasi data menggunakan pendekatan secara sekali (*one-off*) sahaja. Jadual yang dimuatkan dengan data yang dimigrasi daripada sistem legasi adalah tiada rekod (*empty row*). Dengan itu, pelaksanaan migrasi dilakukan terlebih dahulu sebelum sistem sedia digunakan.

### 5.2 Kaedah Migrasi

Pelaksanaan migrasi bagi data Modul Pengurusan Bilik Mesyuarat dalam Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat ke SMPBM adalah seperti rajah dibawah.



Rajah 1: Kaedah Pelaksanaan Migrasi Data

**Rajah 1** menunjukkan kaedah migrasi data yang akan dilaksanakan. Terdapat tiga persekitaran yang digunakan semasa proses pelaksanaan migrasi data iaitu pangkalan data sumber (pangkalan data Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat), pangkalan data *staging* dan pangkalan data destinasi (pangkalan data Sistem Mengurus Penggunaan Bilik Mesyuarat). Pangkalan data sumber mengandungi data Sistem Tempahan Bilik

|  |                                |   |                        |
|--|--------------------------------|---|------------------------|
| <br>BERSAMA-SAMA MELAKUKAN TRANSFORMASI | Rujukan:<br><b>SMPBM / PMD</b> | Tajuk:<br><b>Pelan Migrasi Data (PMD)</b> | Mukasurat:<br><b>3</b> |
|--|--------------------------------|---|------------------------|

Mesyurat yang hendak dimigrasi ke pangkalan data SMPBM. Manakala pangkalan data *staging* pula adalah sebagai hab sistem transformasi iaitu aktiviti bagi pembersihan dan transformasi data daripada Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan semasa pra migrasi dilakukan di persekitaran pangkalan data sumber dan *staging*.

RDBMS pangkalan data sumber adalah menggunakan pengurusan pangkalan data MySQL. Data yang hendak dimigrasi daripada pangkalan data Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat perlu dikenal pasti terlebih dahulu melalui aktiviti pemetaan jadual dan pemetaan data berdasarkan peraturan bisnes yang telah ditetapkan. Setelah itu data tersebut disari (*extract*) ke dalam bentuk fail CSV dan dihantar ke *staging* melalui kaedah FTP.

Di pangkalan data *staging*, persekitaran teknologi disediakan terlebih dahulu seperti persekitaran pangkalan data sistem baharu (RDBMS Oracle). Manakala data yang terkandung dalam fail CSV disari bagi membolehkan proses pembersihan data. Setelah data bersih tersebut disahkan, perubahan struktur data yang sesuai dilaksanakan. Di dalam persekitaran ini juga pengujian persampelan dilakukan bagi melihat kesesuaian proses-proses pra migrasi dilaksanakan. Pengujian sampel data untuk dimuat ke dalam pangkalan data Oracle juga turut dilakukan bagi menguji skrip yang disediakan menggunakan *SQL Loader control file*. Setelah proses di peringkat pra migrasi selesai, data tersebut disari dan kemudian dihantar ke dalam pangkalan data destinasi melalui kaedah FTP. Aktiviti pelaksanaan proses migrasi dilakukan di persekitaran pangkalan data destinasi. Aktiviti-aktiviti terperinci bagi setiap proses migrasi dijelaskan di seksyen 2.3 Proses pelaksanaan migrasi.

### 5.3 Proses Pelaksanaan Migrasi Data

Proses pelaksanaan migrasi data adalah merangkumi tiga fasa iaitu pra migrasi (sebelum migrasi), semasa migrasi dan selepas migrasi.

#### a) Fasa Pra Migrasi

- i) Maklumat data sumber (pangkalan data, *table* dan *field*) yang terlibat dalam pelaksanaan migrasi data adalah seperti di **Jadual 1**.

### **Jadual 1 : Maklumat Sumber Data**

|   |  |
|---|--|
| <b>Nama sistem</b>                        | Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat  |
| <b>Fungsi sistem</b>                      | Menguruskan tempahan bilik mesyuarat   |
| <b>Nama pangkalan data</b>                | eTempah  |
| <b>Nama table dan medan yang terlibat</b> | <p><u>Table :</u><br/>BLK_MESY</p> <p><u>Medan :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kod_blk_mesy</li> <li>• nama_blk_mesy</li> <li>• lokasi</li> <li>• status</li> </ul> |

- ii) Dalam pelaksanaan migrasi data ini, semua rekod bilik mesyuarat akan dimigrasikan ke dalam sistem baru.
- iii) Maklumat destinasi pangkalan data iaitu *table* dan medan pangkalan data sistem baru adalah seperti di **Jadual 2**.

### **Jadual 2 : Maklumat Destinasi Pangkalan Data Yang Terlibat Dalam Migrasi Data**

|                            |  |
|----------------------------|--|
| <b>Nama sistem</b>         | Sistem Mengurus Penggunaan Bilik Mesyuarat |
| <b>Fungsi sistem</b>       | Menguruskan tempahan bilik mesyuarat       |
| <b>Nama pangkalan data</b> | SMPBM                                      |

- iv) Berdasarkan kaedah migrasi telah dinyatakan di para 2.2, *tools* yang terlibat dalam pelaksanaan migrasi data adalah SQL Yog, SQL Loader (Oracle) dan SQL Plus. Oleh yang demikian, pada fasa pra migrasi ini aktiviti pemasangan dan instalasi *tools* serta skrip berkaitan akan dilaksanakan.
- v) Dalam fasa ini, aktiviti pemetaan jadual dan pemetaan data antara jadual/data data pangkalan data sumber dan jadual/data pangkalan data destinasi berdasarkan peraturan bisnes yang telah ditetapkan. Maklumat terperinci

berkaitan pemetaan data ini akan dinyatakan dalam Dokumen Spesifikasi Migrasi Data.

- vi) Pengujian sampel data untuk aktiviti migrasi di *staging server* dilakukan pada fasa ini. Aktiviti yang terlibat adalah :-
- Kenal pasti sampel data yang hendak diuji.
  - Ekstrak data daripada *table* yang berkenaan berdasarkan pemetaan yang telah dilakukan. Eksport rekod (*rows*) data daripada pangkalan data asal (MySQL) ke dalam format CSV menggunakan SQL Yog. Hantar data dalam format CSV ke *staging server* menggunakan kaedah FTP.
  - Lakukan pembersihan data, *conversion* data (sekiranya ada) dan perubahan struktur yang sesuai dengan mengambil kira peraturan bisnes yang telah ditetapkan. Perubahan struktur data yang sesuai adalah seperti penggabungan medan atau pengasingan data kepada dua atau lebih medan. Data yang telah dilakukan pembersihan, *conversion* data dan perubahan struktur perlu disahkan oleh SME.
  - Sediakan skrip untuk muat naik data ke pangkalan data Oracle menggunakan *SQL Loader control file* berdasarkan pemetaan jadual yang telah dilakukan sebelum ini.
  - Laksanakan muat naik data (*run the SQL Loader control file*)
  - Semak dan sahkan data yang telah dimuat naik
  - Semak ralat di *log file* dan buat pembetulan pada *SQL Loader control file* (sekiranya ada)
- vii) Penyediaan data untuk pelaksanaan migrasi dilakukan dengan mengekstrak data daripada jadual yang berkenaan berdasarkan pemetaan yang telah dilakukan. Eksport rekod (*rows*) data daripada pangkalan data asal (MySQL) ke dalam format CSV menggunakan SQL Yog. Hantar data dalam format CSV ke *staging server* menggunakan kaedah FTP. Setelah itu pelaksanaan aktiviti pembersihan data, *conversion* data dan perubahan struktur berdasarkan kaedah yang telah dilakukan pada data sampel.

|  |                                |   |                        |
|--|--------------------------------|---|------------------------|
| <br>BERSAMA-SAMA MELAKUKAN TRANSFORMASI | Rujukan:<br><b>SMPBM / PMD</b> | Tajuk:<br><b>Pelan Migrasi Data (PMD)</b> | Mukasurat:<br><b>6</b> |
|--|--------------------------------|---|------------------------|

**b) Fasa semasa migrasi**

- i) Buat salinan pendua (*backup*) ke atas pangkalan data Oracle.
- ii) Hantar data (format CSV) yang hendak dimigrasi ke server pangkalan data destinasi (Oracle server) menggunakan kaedah FTP.
- iii) Sediakan skrip seperti yang telah diuji di staging server untuk memuat naik data ke pangkalan data Oracle menggunakan SQL Loader control file atau hantar SQL Loader control file yang telah disediakan di staging server ke server pangkalan data destinasi menggunakan kaedah FTP.
- iv) Pastikan jadual yang hendak dimuatkan adalah tiada rekod terlebih dahulu.
- v) Dapatkan jumlah rekod data yang hendak dimuatkan ke dalam table di pangkalan data sistem baru.
- vi) Laksanakan muat naik data (*run the SQL Loader control file*) ke dalam jadual yang berkaitan.

**c) Fasa selepas migrasi**

- i) Semak dan sahkan data yang telah dimuat naik serta semak ralat di *log file* (sekiranya ada).
- ii) Sediakan statistik yang berjaya dan gagal dimigrasi serta sediakan justifikasi kegagalan tersebut.
- iii) Sediakan laporan pelaksanaan migrasi data.

#### 5.4 Persekutuan Data (Teknologi)

Maklumat awal teknologi bagi pangkalan data di Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat dan Sistem Mengurus Penggunaan Bilik Mesyuarat adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3 : Maklumat Teknologi Pangkalan Data**

| Bil | Perkara                   | Maklumat Pangkalan Data Sistem Sumber | Maklumat Pangkalan Data Sistem Destinasi   |
|-----|---------------------------|---------------------------------------|--|
| 1.  | Nama pangkalan data       | Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat       | Sistem Mengurus Penggunaan Bilik Mesyuarat |
| 2.  | DBMS                      | MySQL                                 | Oracle                                     |
| 3.  | Arkitektur pangkalan data | Secara Berpusat                       | Secara Berpusat                            |
| 4.  | Modul terlibat            | Pengurusan Bilik Mesyuarat            | Pengurusan Bilik Mesyuarat                 |

## 6. PASUKAN PROJEK

Nama pegawai yang terlibat dalam Pasukan Pangkalan Data, Migrasi dan Integrasi serta fungsi ahli dalam pasukan adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4 : Peranan dan Tanggungjawab**

| Pasukan                                    | Keahlian  | Fungsi  |
|--|---|---|
| <b>Pasukan Migrasi Data (Teknikal)</b>     | Pn Iza Nordina binti Abd Ghani<br>Ketua Penolong Pengarah, BPI<br><br>YBrs. Dr. Razatulshima binti Ghazali<br>Penolong Pengarah Kanan, BPI<br><br>Pn Nur Sharmini Alexander<br>Penolong Pengarah Kanan, BPI | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan Pelan dan Spesifikasi keperluan Migrasi Data</li> <li>Melaksanakan aktiviti <i>data mapping, development process, scripting, extraction, transformation</i> dan <i>load data</i>.</li> </ul> |
| <b>Pasukan Subject Matter Expert (SME)</b> | En Sabahan bin Mohd Timbalan Pengarah, BKP<br><br>Pn Shulaihi binti Kamal Penolong Pengarah, Unit Pentadbiran, BKP<br><br>Pn Yanti bin Yaacob, Penolong Pengarah, Unit Selenggara Aset, BKP                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan peraturan bisnes dalam konteks migrasi data</li> <li>Mengesah pembersihan data (<i>data cleansing</i>)</li> </ul>  |

## 7. JADUAL PELAKSANAAN

Jadual pelaksanaan projek memaparkan secara terperinci setiap aktiviti bagi pelaksanaan migrasi iaitu merangkumi pra migrasi, semasa migrasi dan selepas migrasi. **Jadual 5** merupakan perancangan pelaksanaan Aktiviti Migrasi Data.

**Jadual 5 : Jadual Perancangan Pelaksanaan Migrasi Data**

| AKTIVITI                                      | MULA       | TAMAT      | TEMPOH | APR | MEI | JUN | JUL | Ogos | SEPT | OKT |
|---|------------|------------|--------|-----|-----|-----|-----|------|------|-----|
| <b>Pra Migrasi</b>                            |            |            |        |     |     |     |     |      |      |     |
| Melaksanakan analisis ke atas pangkalan data  | 22/4/2020  | 24/4/2020  | 3      |     |     |     |     |      |      |     |
| Menyediakan persekitaran staging              | 27/4/2020  | 15/5/2020  | 19     |     |     |     |     |      |      |     |
| Menyediakan peraturan bisnes                  | 27/4/2020  | 30/4/2020  | 4      |     |     |     |     |      |      |     |
| Pembersihan data                              | 25/4/2020  | 27/4/2020  | 3      |     |     |     |     |      |      |     |
| Pemetaan data                                 | 28/4/2020  | 30/4/2020  | 3      |     |     |     |     |      |      |     |
| Ekstrak data                                  | 4/5/2020   | 5/5/2020   | 2      |     |     |     |     |      |      |     |
| Conversion data                               | 6/5/2020   | 15/5/2020  | 10     |     |     |     |     |      |      |     |
| Perubahan struktur data                       | 18/5/2020  | 31/5/2020  | 14     |     |     |     |     |      |      |     |
| Penyediaan skrip/tools                        | 7/7/2020   | 9/7/2020   | 3      |     |     |     |     |      |      |     |
| Pengujian sample data                         | 12/7/2020  | 16/7/2020  | 5      |     |     |     |     |      |      |     |
| Semakan dan pengesahan ujian sample           | 19/7/2020  | 31/7/2020  | 13     |     |     |     |     |      |      |     |
| <b>Semasa Migrasi</b>                         |            |            |        |     |     |     |     |      |      |     |
| Laksanakan migrasi data ( <i>run script</i> ) | 14/10/2020 | 16/10/2020 | 3      |     |     |     |     |      |      |     |
| <b>Selepas Migrasi</b>                        |            |            |        |     |     |     |     |      |      |     |
| Penyediaan laporan migrasi data               | 15/10/2020 | 16/10/2020 | 2      |     |     |     |     |      |      |     |

## 8. PENUTUP

Di antara faktor-faktor yang kritikal dalam menentukan kejayaan migrasi data adalah seperti berikut:

- Penglibatan secara aktif pemilik bisnes dalam setiap aktiviti migrasi
- Memastikan pemahaman dan peraturan bisnes yang jelas bagi mengenalpasti kompleksiti, skop, usaha yang diperlukan, serta risiko yang terlibat dalam migrasi
- Melaksanakan penggunaan data yang standard bagi menjamin kualiti data serta dapat membantu dalam menentukan skop dan kompleksiti

|  |                                |   |                  |
|--|--------------------------------|---|------------------|
| <br>BERSAMA-SAMA MELAKUKAN TRANSFORMASI | Rujukan:<br><b>SMPBM / PMD</b> | Tajuk:<br><b>Pelan Migrasi Data (PMD)</b> | Mukasurat:<br>10 |
|--|--------------------------------|---|------------------|

- d) Memberi fokus terhadap kualiti, pembersihan dan pengkayaan data semasa proses pra migrasi. Data yang tidak berkualiti boleh meningkatkan risiko dan kompleksiti keseluruhan projek
- e) Mendokumenkan Pelan Migrasi Data secara menyeluruh. Pengurusan risiko yang efektif dapat menjamin kejayaan sesebuah projek
- f) Memastikan ketersediaan data bagi mengelakkan kelewatan semasa pengujian, pengesahan dan gangguan terhadap sistem secara keseluruhan